

Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar Surah al-Baqarah (2: 116-121)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar, Surah al-Baqarah (2: 116-121)*. Siri 21. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-89-8.

Abstract

Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar, Surah al-Baqarah (2: 116-121), Siri 21 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Ciri ketuhanan terpenting yang dibicarakan ialah sifat Allah SWT yang tidak beranak dan tidak diperanakkan. Sedangkan ciri kenabian terpenting ialah penurunan al-Quran yang merupakan mukjizat terpenting bagi membuktikan kenabian Nabi Muhammad SAW mengalahkan segala bentuk mukjizat yang dipinta untuk ditunjukkan kepada kaum Musyrik serta Yahudi. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah (2: 116-121)* daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran terpenting daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu Allah SWT terkaya daripada memiliki anak dan isteri, hanya kepada Allah SWT Tuhan yang disembah dan dipatuhi; Allah SWT tidak melayan sebahagian permintaan golongan kafir tentang pertunjukan mukjizat; tugas dan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW; dan sifat nabi yang disebutkan dalam taurat serta tuntutan untuk mengikut ajaran kitab dengan cara yang sebaik-baiknya.

References

Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Arabi, Ahmad. 1997. *Mu'jam Ibn 'Arabi*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim bin Ahmad al-Hussayn (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzy.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan dan Keutamaan Ban' srail: Surah Al-Baqarah (2: 47-50)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Jld. 21. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Jld. 20. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 21
Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar
Surah al-Baqarah (2: 116-121)**

Kamarul Azmi Jasmi



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 21
Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar
Surah *al-Baqarah* (2: 116-121)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Disember 2021

©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

CIRI KETUHANAN DAN KENABIAN YANG BENAR : SURAH *AL-BAQARAH*

(2:116-121) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 21)

ISBN 978-967-2171-89-8

1. Qur'an. Surat *al-Baqarah*-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>v</i>
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 116-117)	3
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 118)	16
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 119)	23
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 120-121)	30
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 122-123)	42
Pengajaran Ayat	44
Allah SWT Terkaya daripada Memiliki Anak dan Isteri	44
Hanya kepada Allah SWT Tuhan yang Disembah dan Dipatuhi	45
Allah SWT Tidak Melayan Sebahagian Permintaan Golongan Kafir Tentang Pertunjukan Mukjizat	46
Tanggungjawab Nabi Muhammad SAW	48
Sifat Nabi yang disebutkan dalam Taurat	49
Tuntutan untuk Mengikuti Ajaran Kitab dengan Cara yang Sebaik-baiknya	50
Rumusan	52
Rujukan	52
Indeks	55
Biodata Penulis	57

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan inti pati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2019

PENGENALAN

Setelah Allah SWT menceritakan tentang perselisihan dalam kalangan agama Yahudi dan Nasrani serta permusuhan mereka dan orang musyrik terhadap Islam serta pemansukhan kiblat umat Islam (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019b, 2021b), Allah SWT meneruskan firman-Nya yang menyentuh tentang persoalan akidah agama Narani dan Yahudi serta Musyrik yang menyesatkan. Persoalan tersebut berkaitan dengan kepercayaan agama bahawa Allah SWT mempunyai anak. Allah SWT menafikan perkara tersebut dengan menegaskan tentang dirinya tidak perlukan anak atau apa sahaja yang menjadi perkara asasi manusia kerana sifat Allah SWT terkaya daripada sifat makhluk kerana Allah SWT yang Maha Kaya, Maha Esa lagi Qadim (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2021a, 2019a). Allah SWT berfirman:

وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحٰنَهُ ۗ بَلْ لَّهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ
وَالْاَرْضِ كُلُّ لَّهُ قٰنِیٰنٌ ﴿۱۱۶﴾ بَدِيعَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ
وَإِذَا قَضٰی اٰمْرًا فَاِنَّمَا يَقُوْلُ لَهُ وَاكُنْ فَاِكُوْنُ ﴿۱۱۷﴾ وَقَالَ
الَّذِيْنَ لَا يَعْلَمُوْنَ لَوْلَا يَكْلِمُنَا اللّٰهُ اَوْ تَاْتِنَا اٰیَةٌ
كَذٰلِكَ قَالَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشٰبَهَتْ
قُلُوْبُهُمْ ۗ قَدْ بَيَّنَّا الْاٰیٰتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُوْنَ ﴿۱۱۸﴾ اِنَّا اَرْسَلْنَاكَ
بِالْحَقِّ بَشِيْرًا وَّنٰذِيْرًا ۗ وَلَا تَسْئَلْ عَنْ اَصْحٰبِ الْجَحِيْمِ ﴿۱۱۹﴾
وَلَنْ تَرْضٰی عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصٰرَىٰ حَتّٰی تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ
اِنَّ هٰدِيَ اللّٰهِ هُوَ الْهُدٰی ۗ وَلِيْنَ اتَّبَعْتَ اَهْوَآءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي

جَاءَكَ مِنَ الْعَالَمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١١٦﴾ الَّذِينَ
 آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۗ وَمَنْ
 يَكْفُرْ بِهِ ۗ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١١٧﴾

Maksud: Dan mereka (orang musyrik) berkata, “Allah mempunyai anak.” Maha Suci Allah (dari apa yang mereka katakan itu), bahkan Dia lah Yang memiliki segala yang di langit dan di bumi, semuanya itu tunduk di bawah kekuasaan-Nya. (116) Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) sesuatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya, “Jadilah engkau!” Lalu menjadilah ia. (117) Dan (orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan berkata, “Alangkah eloknya kalau Allah berkata-kata dengan kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada kami sesuatu keterangan (mukjizat)?” Demikian pula orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka; hati mereka (sekaliannya) adalah bersamaan (degil dan kufur). Sesungguhnya Kami pun menerangkan ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin. (118) Sesungguhnya Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang yang ingkar). Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka. (119) Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka), “Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar.” Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu. (120) Orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka,

sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang yang rugi. (121)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 116-121)

Perbincangan tafsir dalam ayat ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 116-117), surah *al-Baqarah* (2: 118), surah *al-Baqarah* (2: 119), dan surah *al-Baqarah* (2: 120-121). Pada bahagian akhir daripada buku ini akan dibincangkan pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan ayat.

TAFSIRAN AYAT

Empat bahagian perbincangan tafsiran, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 116-117), surah *al-Baqarah* (2: 118), surah *al-Baqarah* (2: 119), dan surah *al-Baqarah* (2: 120-121) akan mengupasa secara mendalam tafsiran ayat-ayat ini menurut pandangan para ulama dalam kalangan sahabat, tabiin, dan ahli tafsir.

SURAH AL-BAQARAH (2: 116-117)

Allah SWT memulakan perbincangan pertama tentang sifat-Nya yang terkaya daripada sifat dengan sifat manusia kerana sifatnya yang Maha berkuasa menjadikan semua alam dan makhluk tunduk beribadat kepada-Nya. Allah SWT tidak memerlukan apa yang diperlukan oleh para hambanya. Firman-Nya:

وَقَالُوا أَخَذَ اللَّهُ وِلْدَانًا سُبْحٰنَهُ ۗ بَلْ لَهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ
وَالْاَرْضِ ۗ كُلُّ لَّهُ قٰنِطُوۡنَ ﴿۱۱۶﴾ بِدِيۡعِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ ۗ
وَإِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُوۡلُ لَهُ ۖ كُنْ فَيَكُوۡنُ ﴿۱۱۷﴾

Maksud: *Dan mereka (orang musyrik) berkata, "Allah mempunyai anak." Maha Suci Allah (dari apa yang mereka katakan itu), bahkan Dia lah Yang memiliki segala yang di langit dan di bumi, semuanya itu tunduk di bawah kekuasaan-Nya. (116) Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya, "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia. (117)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 116-117)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/396), ayat ini dan ayat yang berikutnya mengandung bantahan terhadap orang Nasrani dan juga orang yang serupa dengan mereka dalam kalangan orang Yahudi dan orang musyrik Arab, iaitu mereka yang menjadikan para malaikat sebagai anak-anak perempuan Allah SWT. Allah SWT mendustakan dakwaan semuanya, demikian juga dakwaan mereka yang menyatakan bahawa sesungguhnya Allah SWT beranak. Untuk itu Dia berfirman, "Subhanahu," Maha Suci dan Maha Bersih serta Maha Tinggi Allah SWT dari hal tersebut dengan ketinggian yang setinggi-tingginya.

بَلْ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksud: *Bahkan Dia lah Yang memiliki segala yang di langit dan di bumi.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 116)

Iaitu perkara yang sebenarnya tidaklah seperti apa yang mereka reka, sesungguhnya hanya milik-Nyalah kerajaan langit dan bumi dan semua yang ada padanya. Dialah yang mengatur mereka, yang menciptakan mereka, yang memberi mereka rezeki, yang menguasai mereka, yang menundukkan mereka, yang menjalankan mereka, dan yang mendorong mereka menurut apa yang dikehendaki-Nya. Semuanya merupakan hamba-Nya dan milik-Nya, maka mana mungkin Dia mempunyai anak dalam kalangan mereka? Hal ini demikian kerana sesungguhnya seorang anak itu hanya dilahirkan dari dua spesies yang sama, sedangkan

Allah SWT tiada yang menyamai-Nya dan tiada yang menyekutui-Nya dalam kebesaran dan keagungan-Nya; dan tiada isteri bagi-Nya, maka mana mungkin Dia beranak? Seperti yang disebutkan dalam firman-Nya:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَتَىٰ يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُن لَّهُ
 صَاحِبَةٌ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١١﴾

Maksud: (Dia lah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Ia mempunyai anak sedang Ia tidak mempunyai isteri? Ia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya. (101)

(Surah al-An'am, 6: 101)

Kenyataan yang sama juga dinyatakan dalam firman-Nya yang lain:

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾ لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِدًّا ﴿٨٩﴾
 تَكَادُ السَّمَوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ وَتَخِرُّ
 الْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾ أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾ وَمَا يَنْبَغِي لِلرَّحْمَنِ أَنْ
 يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾ إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتِي
 الرَّحْمَنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾ لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾ وَكُلُّهُمْ
 ءِتِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

Maksud: Dan mereka yang kafir berkata, “(Allah) al-Rahman, mempunyai anak.” (88) Demi sesungguhnya, kamu melakukan satu perkara yang besar salahnya! (89) Langit nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris terbelah, serta gunung-ganang

pun nyaris runtuh ranap, - (90) Kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) al-Rahman mempunyai anak. (91) Padahal tiadalah layak bagi (Allah) al-Rahman, bahawa Ia mempunyai anak. (92) Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) al-Rahman, sebagai hamba. (93) Demi sesungguhnya! Allah mengira mereka (dengan pengetahuan-Nya) serta menghitung mereka satu persatu. (94) Dan mereka masing-masing akan datang mengadap-Nya pada hari kiamat dengan seorang diri. (95)

(Surah Maryam, 19: 88-95)

Selain itu, Allah SWT menjelaskan lagi bahawa bukan sahaja Dia tidak beranak bahkan dia tidak diperanakkan. Firman-Nya:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ (٣) وَأَمْ
يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ (٤)

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) Allah Yang Maksud: menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; (3) dan tidak ada sesiapa pun yang serupa dengan-Nya". (4)*

(Surah al-Ikhlâs, 112: 1-4)

Melalui ketiga-tiga ayat tersebut ini, Allah SWT menetapkan bahawa Dia adalah Tuhan Yang Maha Agung Yang tiada tandingan dan tiada persamaan bagi-Nya. Segala sesuatu selain Dia adalah makhluk-Nya yang menjadi hamba-Nya, maka mana mungkin Dia beranak dari mereka? Oleh kerana itu, dalam tafsir ayat ini, Imam Al-Bukhari (2001: 4482) menyatakan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: «كَذَّبَنِي ابْنُ
 آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ، وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ، فَأَمَّا تَكْذِيبُهُ
 إِيَّايَ فَيَزِعُ عُمِّي لَأَ أَقْدِرُ أَنْ أُعِيدَهُ كَمَا كَانَ، وَأَمَّا شَتْمُهُ
 إِيَّايَ فَقَوْلُهُ: لِي وَلَدٌ. فَسُبْحَانِي أَنْ أُتَّخَذَ صَاحِبَةً أَوْ وَلَدًا.»

Maksud: *Ibn 'Abbas, dari Nabi SAW yang bersabda: Allah SWT berfirman, "Anak Adam mendustakan Aku, padahal tidak layak baginya mendustakan Aku. Dan dia mencaci-Ku, padahal tidak patut baginya mencaci-Ku. Adapun kedustaan yang dilakukannya terhadap-Ku ialah ucapannya yang menyatakan bahawa Aku tidak dapat menghidupkannya kembali seperti semula. Adapun caciannya terhadap-Ku ialah ucapannya yang menyatakan bahawa Aku mempunyai anak. Maha Suci Aku dari mempunyai isteri atau anak."*

(Al-Bukhari)

Begitu juga dalam satu hadis Qudsi yang lain ada menyatakan (Al-Nasa'i, 1986: 2078):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَقُولُ اللَّهُ ﷻ: «كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَنْبَغْ لَهُ أَنْ يُكَذِّبَنِي، وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَنْبَغْ لَهُ أَنْ يَشْتُمَنِي، أَمَّا تَكْذِيبُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ: «لَنْ يُعِيدَنِي كَمَا بَدَأَنِي. وَلَيْسَ أَوَّلُ الْخَلْقِ بِأَهْوَنَ عَلَيَّ مِنْ إِعَادَتِهِ. وَأَمَّا شَتْمُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ: «اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا. وَأَنَا اللَّهُ الْأَحَدُ الصَّمَدُ، لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ.»

Maksud: *Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT berfirman, "Anak Adam mendustakan Aku, padahal tidak layak baginya mendustakan Aku. Dan dia mencaci-Ku, padahal tidak patut baginya mencaci-Ku. Adapun kedustaan yang dilakukannya terhadap-Ku ialah ucapannya yang menyatakan, "Allah tidak akan membangkitkan aku seperti Dia menciptakan aku pada awal mulanya," padahal permulaan penciptaan tidaklah lebih mudah daripada mengembalikannya. Adapun caciannya terhadap-Ku ialah ucapannya yang menyatakan bahawa Allah SWT mengambil anak (beranak), padahal Aku adalah Allah SWT Yang Maha Esa yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu; tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia.*

(Al-Nasa`i)

Kedua-dua hadis diperkukuhkan lagi dengan hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6099):

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَيْسَ أَحَدٌ، أَوْ:
لَيْسَ شَيْءٌ أَصْبَرَ عَلَىٰ أَدَىٰ سَمْعِهِ مِنَ اللَّهِ، إِنَّهُمْ لَيَدْعُونَ لَهُ
وَلَدًا، وَإِنَّهُ لَيُعَافِيهِمْ وَيَرْزُقُهُمْ.»

Maksud: *Abu Musa r.a. menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Tiada seorang pun yang lebih sabar daripada Allah SWT atas gangguan yang didengarnya; sesungguhnya mereka menganggap-Nya beranak. Akan tetapi, Dia tetap memberi mereka rezeki dan membiarkan mereka.*

(Al-Bukhari)

Hadis yang sama daripada perawi yang lain pula juga meriwayatkan (Muslim, t.th.: 2804):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسٍ رضي الله عنه، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم: «مَا أَحَدٌ أَصْبَرَ عَلَىٰ أَدَىٰ يَسْمَعُهُ مِنَ اللَّهِ تَعَالَىٰ، إِنَّهُمْ يَجْعَلُونَ لَهُ نِدَاءً وَيَجْعَلُونَ لَهُ وَلَدًا وَهُوَ مَعَ ذَلِكَ يَرْزُقُهُمْ وَيَعْفِيهِمْ وَيُعْطِيهِمْ.»

Maksud: ‘Abdullah bin Qays r.a. berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Tiada seorang pun yang lebih sabar daripada Allah SWT atas gangguan yang didengarnya; sesungguhnya mereka menganggap-Nya beranak. Akan tetapi, Dia tetap memberi mereka rezeki dan membiarkan mereka.

(Muslim)

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/396) melanjutkan perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

كُلُّ لَهُ وَقَانِتُونَ ﴿١١٦﴾

Maksud: *Semuanya itu tunduk di bawah kekuasaan-Nya. (116)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 116)

Al-Qanit dalam ayat dalam kalangan ulama tafsir adalah seperti berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 1131):

- (1) Ibn ‘Abbas: Doa
- (2) Ikrimah dan Abu Malik: Allah wajib disembah
- (3) Sa‘id bin Jubair: Ikhlas.
- (4) Al-Rabi‘ bin Anas, qaniton ertinya berdiri di hari kiamat. Menurut al-Saddi ertinya semua taat kepada-Nya di hari kiamat.
- (5) Khasif meriwayatkan dari Mujahid sehubungan dengan makna qaniton, iaitu semua taat kepada-Nya. Bila dikatakan, “Jadilah

kamu manusia,” maka jadilah manusia. Dan bila dikatakan, “Jadilah kamu keldai,” maka jadilah keldai.

- (6) Ibnu Abu Nujaih menyatakan dari Mujahid bahwa *qanitun* artinya mereka semuanya taat kepada Allah SWT.
- (7) Mujahid: Taat orang kafir ialah melalui bayangannya yang sujud kepada Allah, sedangkan diri orang kafir itu sendiri tidak suka.

Pendapat dari Mujahid ini merupakan pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir. Dari semua pendapat di atas Ibn Jarir menyimpulkan bahwa tunduk, patuh, dan taat hanya kepada Allah SWT merupakan hal yang (diperintahkan) oleh syariat. Hal ini diriwayatkan dalam hadis, sebagaimana disebutkan pula dalam firman-Nya:

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلًّا لَهُمْ
بِالْغُدُورِ وَالْأَصَالِ ﴿١٥﴾

Maksud: Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang. ﴿15﴾

(Surah *al-Ra'd*, 13: 15)

Terdapat sebuah hadis yang mengandung penjelasan tentang lafaz qunut dalam al-Quran, bahawa yang dimaksud adalah taat, tunduk, dan patuh; seperti yang dikatakan oleh Imam Ahmad (2001: 11711):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: «كُلُّ حَرْفٍ
مِنَ الْقُرْآنِ يُذَكَّرُ فِيهِ الْقُنُوتُ فَهُوَ الطَّاعَةُ.»

Maksud: *Abu Sa'id al-Khudri, dari Rasulullah SAW yang bersabda, "Setiap lafaz al-Quran yang menyebutkan al-qunut ertinya taat.*

(Ahmad)

Selanjutnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/396) menjelaskan firman Allah SWT berikut pula:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksud: *Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya);*

(Surah al-Baqarah, 2: 117)

Iaitu Allah SWT yang menciptakan keduanya tanpa contoh terlebih dahulu. Menurut Mujahid dan al-Saddi, lafaz *badi'un* dalam ayat ini sesuai dengan makna bahasa. Termasuk ke dalam pengertian ini dikatakan terhadap sesuatu yang merupakan penghasilan sesuatu yang baru dengan sebutan bidaah. Seperti yang terdapat dalam hadis sahih berikut, iaitu (Abu Dawud, 2009: 4607):

فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ

Maksud: *Hal ini kerana sesungguhnya setiap perkara yang baru itu adalah bidaah.*

(Abu Dawud)

Bidaah ada dua macam, iaitu adakalanya bidaah menurut istilah syarak, iaitu bidaah sayyiah seperti pengertian yang terkandung dalam sabda Nabi SAW (Abu Dawud, 2009: 4607):

فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٍ، وَكُلِّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

Maksud: *Kerana sesungguhnya setiap perkara yang baru itu adalah bidaah, dan setiap bidaah itu sesat.*

(Abu Dawud)

Yang kedua ialah bidaah menurut istilah bahasa, iaitu bidaah hasanah seperti perkataan Amirul Mu'minin Umar bin al-Khattab RA ketika melihat hasil jerih payahnya yang berhasil menghimpun kaum Muslimin melakukan solat tarawih hingga mereka menjadikannya sebagai tradisi, iaitu (Malik, 2004: 3):

فَقَالَ عُمَرُ: «نِعْمَتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ.»

Maksud: *Sebaik-baik bidaah adalah ini (iaitu berjamaah solat tarawih).*

(Malik)

Imam Ibn Jarir (2001: 2/464) menyatakan, makna firman-Nya: Allah SWT *Pencipta langit dan bumi*. (Surah *al-Baqarah*, 2: 117) Makna yang dimaksud ialah *mubdi'uhuma*, iaitu Pencipta kedua-duanya. Hal ini kerana sesungguhnya bentuk asalnya hanyalah *mubdi'aun*, kemudian ditasrif menjadi *badi'un*; sebagaimana di-tasrif lafaz *mu'limun* menjadi *'alimun*, dan lafaz *musmi'un* menjadi *sami'un*. Makna yang dimaksud ialah Allah SWT Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, dan Yang Menjadikan tanpa ada seorang pun yang lebih dahulu menciptakan hal yang semisal dengan ciptaan-Nya itu. Ibn Jarir menyatakan, "Oleh sebab itu, seorang yang membuat bidaah dalam agama dinamakan *mubtadi'* kerana dia menciptakan hal baru yang belum pernah dilakukan oleh orang lain dalam agama. Hal yang sama dikatakan pula terhadap orang yang membuat ucapan atau rekaan yang baru yang belum pernah

dilakukan oleh pendahulunya.” Orang Arab menyebut orang yang berbuat demikian dengan nama *mubtadi*. Makna ayat menurut Imam Imam Ibn Jarir (2001: 2/465) ialah seperti berikut:

سُبْحَانَ اللَّهِ أَنِّي يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَهُوَ مَالِكٌ مَا فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ، تَشْهَدُ لَهُ جَمِيعًا بِدَلَالَتِهَا عَلَيْهِ بِالْوَحْدَانِيَّةِ، وَتُقَرُّ
لَهُ بِالطَّاعَةِ؛ وَهُوَ بَارِئُهَا وَخَالِقُهَا، وَمُوجِدُهَا مِنْ غَيْرِ أَصْلٍ،
وَلَا مِثَالٍ احْتَدَاهَا عَلَيْهِ.

Maksud: *Maha Suci Allah SWT dari mempunyai anak, Dia adalah Raja semua apa yang ada di langit dan di bumi, semuanya menyaksikan keesaan-Nya melalui tanda-tanda kekuasaan-Nya dan semuanya mengaku taat kepada-Nya. Dialah yang menciptakan, yang mengadakan, dan yang menjadikan mereka tanpa asal-usul, juga tanpa contoh yang diikuti-Nya dalam penciptaan-Nya itu.*

Hal ini merupakan pemberitahuan dari Allah SWT kepada hamba-Nya, bahawa antara orang yang mengakui hal tersebut adalah al-Masih yang mereka nisbatkan sebagai anak Allah, dan merupakan pemberitahuan dari Allah SWT kepada mereka bahawa Dia Yang menciptakan langit dan bumi tanpa asal-usul dan tanpa contoh yang mendahuluinya, Dia adalah Tuhan Yang menciptakan Isa tanpa melalui seorang ayah, tetapi hanya dengan kekuasaan-Nya. Pendapat yang dikatakan oleh Ibn Jarir ini merupakan pendapat yang baik dan merupakan ungkapan yang benar.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/399) seterusnya menyambung perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُنْ فَيَكُونُ ﴿١٧٧﴾

Maksud: *Dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya, "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia. (117)*

(Surah al-Baqarah, 2: 117)

Melalui ayat ini Allah SWT menerangkan kesempurnaan kekuasaan-Nya dan kebesaran pengaruh-Nya. Dan bahawa apabila Dia menetapkan sesuatu, lalu Dia berkehendak akan mengadakannya, maka se-sungguhnya Dia hanya menyatakan kepadanya, "Jadilah kamu!" Iaitu hanya sekali ucap. Maka terjadilah sesuatu yang dikehendaki-Nya itu sesuai dengan apa yang dikehendaki-Nya, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya yang lain, iaitu:

﴿ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴾

Maksud: *Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu, "Jadilah engkau!" Maka ia terus menjadi. (82)*

(Surah Yasin, 36: 82)

Kenyataan yang sama juga sepertimana yang dinyatakan dalam firman-Nya yang lain:

﴿ إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَنْ نَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴾

Maksud: *Sesungguhnya perkataan Kami kepada sesuatu apabila Kami kehendaki, hanyalah Kami berkata kepadanya, "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia. (40)*

(Surah al-Nahl, 16: 40)

Begitu juga dengan firman-Nya:

وَمَا أَمْرُنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ كَلَمْحٍ بِالْبَصَرِ ﴿٥٠﴾

Maksud: *Dan hal Kami (dalam melaksanakan apa yang Kami kehendaki), hanyalah satu cara sahaja, (cepat jadinya) seperti sekelip mata. (50)*

(Surah *al-Qamar*, 54: 50)

Melalui ayat ini Allah SWT mengingatkan bahawa penciptaan Isa hanya dengan kalimat Kun, iaitu “Jadilah!” Maka jadilah Nabi Isa AS sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Hal ini sebagaimana dengan kejadian Nabi Isa AS yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

إِن مِّثْلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمِثْلِ آدَمَ خَلَقَهُ وَمِنْ تُرَابٍ
ثُمَّ قَالَ لَهُ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾

Maksud: *Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya, “Jadilah engkau!” maka menjadilah ia. (59)*

(Surah *Ali ‘Imran*, 3: 59)

Ringkasnya, kekuasaan Allah SWT yang bersifat mutlak memustahilkan ada sebarang kelemahan dirinya sebagaimana yang wujud kepada sifat makhluk yang dijadikan oleh-Nya. Oleh kerana itu, zat Allah SWT dan kuasa-Nya adalah sesuatu yang berbeza dengan zat para makhluknya yang bersifat dengan segala kelemahan dan baharu. Tidak wajar bagi Allah SWT mempunyai sifat kelemahan seperti kewujudan anak atau bapa atau memerlukan isteri sepertimana yang berlaku kepada makhluk yang wujud seperti itu bagi menyambung pewarisan selepas ketiadaannya.

Hal ini kerana Allah SWT tidak ada permulaan dan tidak ada akhir dan sudah tentu ketinggian kuasanya tidak akan berkurang atau hilang sebagaimana yang berlaku kepada para makhluk.

SURAH AL-BAQARAH (2: 118)

Setelah Allah SWT menafikan dirinya memiliki anak, Allah SWT juga berhujah tentang sifat hati dan kedegilan orang kafir yang mempunyai persamaan ciri mereka yang sekarang dengan ciri orang kafir yang ada pada zaman kenabian sebelum ini. Allah SWT menegaskan sememangnya orang kafir tidak akan tunduk beriman sekalipun jika ditunjukkan mukjizat yang pernah diberikan kepada umat terdahulu sebagaimana umat terdahulu yang tidak mahu beriman setelah ditunjukkan mukjizat oleh Allah SWT melalui nabi dan Rasul-Nya. Firman-Nya:

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا
 آيَةٌ فَذَلِكَ قَوْلَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ مِّثْلَ قَوْلِهِمْ
 تَشَبَهتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَّا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾

Maksud: *Dan (orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan, berkata, "Alangkah elokny kalau Allah berkata-kata dengan kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada kami sesuatu keterangan (mukjizat)?" Demikian pula orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka; hati mereka (sekaliannya) adalah bersamaan (degil dan kufur). Sesungguhnya Kami pun menerangkan ayat-ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin. (118)*

(Surah al-Baqarah, 2: 118)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/399), ayat ini menurut Ibn ‘Abbas yang menyatakan bahawa Raff bin Harimalah pernah berkata kepada Rasulullah SAW, “Hai Muhammad, jika engkau adalah seorang rasul dari Allah, seperti apa yang kamu katakan, maka katakanlah kepada Allah SWT agar Dia berbicara langsung kepada kami hingga kami dapat mendengar kalam-Nya.” Maka sehubungan dengan hal ini Allah SWT menurunkan firman-Nya, “*Dan (orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan, berkata, “Alangkah elokny kalau Allah berkata-kata dengan kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada kami sesuatu keterangan (mukjizat)?”*” (Surah al-Baqarah, 2: 118)

Mujahid menyatakan bahawa orang yang menyatakan demikian adalah orang Nasrani. Pendapat inilah yang dipilih oleh Imam (Ibn Jarir, 2001: 2/473) Ibn Jarir, mengingat konteks ayat sedang membicarakan perihal mereka. Akan tetapi, pendapat ini masih perlu dipertimbangkan.

Imam Al-Qurtubi, M. (1964: 2/91) meriwayatkan sehubungan dengan takwil firman-Nya, “*Alangkah elokny kalau Allah berkata-kata dengan kami.*” (Surah al-Baqarah, 2: 118) Apa yang dimaksudkan dengan berkata-kata itu ialah berbicara kepada kami mengenai kenabianmu, hai Muhammad?” Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/399) memang demikianlah makna lahiriah konteksnya.

Abu al-‘Aliyah, al-Rabi’ bin Anas, Qatadah, dan al-Saddi sehubungan dengan tafsir ayat ini menyatakan bahawa bagian pertama dari ayat ini merupakan perkataan orang kafir Arab. Sedangkan firman-Nya, “*Demikian pula orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka*” (Surah al-Baqarah, 2: 118) adalah merujuk kepada orang yang sebelum mereka adalah orang Yahudi dan orang Nasrani. Pendapat yang menyatakan bahawa orang yang menyatakan hal tersebut adalah kaum musyrik Arab diperkuat oleh firman-Nya:

وَإِذَا جَاءَتْهُمْ آيَةٌ قَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ حَتَّى نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَا أُوتِيَ
رُسُلَ اللَّهِ اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ ۗ سَيُصِيبُ الَّذِينَ

أَجْرُمُوا صَعَارًا عِنْدَ اللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا كَانُوا
يَمْكُرُونَ ﴿١٤٤﴾

Maksud: *Dan apabila datang kepada mereka sesuatu keterangan, mereka berkata, "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang diberikan kepada pesuruh Allah." Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) Ia berikan jawatan Rasul (dan wahyu) yang diberikan-Nya itu. Orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan azab seksa yang amat berat, disebabkan perbuatan tipu daya yang mereka lakukan. (124)*

(Surah al-An'am, 6: 124)

Permintaan kaum musyrik agar nabi menunjukkan mukjizat digambarkan oleh Allah SWT lagi dalam firman-Nya:

وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ
تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجَّرَ الْأَنْهَارُ خِلَالَهَا
تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تَسْقُطَ السَّمَاءُ كَمَا زَعَمَتَ عَلَيْنَا كَيْسَفًا أَوْ تَأْتِي
بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرٍ أَوْ
تَرْقَى فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّى تُنزِلَ عَلَيْنَا مَكِّتَابًا
نَقْرُوهُ ﴿٩٣﴾ قُلْ

Maksud: *Dan mereka berkata, "Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan matair dari bumi, bagi Kami. (90) Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus. (91) Atau (sehingga) engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau katakan (akan berlaku); atau (sehingga) engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya. (92) Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya". Katakanlah (wahai Muhammad): "Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul? (93)*

(Surah *al-Isra'*, 17: 90-93)

Permintaan kaum musyrik untuk melihat Allah SWT dan malaikat juga dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lain:

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْنَا الْمَلَائِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا لَقَدِ اسْتَكْبَرُوا فِي أَنفُسِهِمْ وَعَتَوْا عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾

Maksud: *Dan berkatalah pula orang yang tidak percaya akan menemui Kami, "Mengapa tidak diturunkan malaikat kepada kita, atau kita dapat melihat Tuhan kita?" Demi sesungguhnya, mereka bersikap sombong angkuh dalam diri mereka sendiri, dan melampaui batas dengan cara yang sebesar-besarnya. (21)*

(Surah *al-Furqan*, 25: 21)

Begitu juga permintaan kaum musyrik agar diturunkan sebuah kitab daripada langit sebagaimana yang diberikan kepada kepada nabi terdahulu ada dijelaskan lagi dalam firman Allah SWT yang berikut:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ أَنْ يُؤْتَىٰ صُحُفًا مِّنْ سَّمَاءٍ ﴿٥٢﴾

Maksud: (Mereka tidak merasa cukup dengan peringatan itu) bahkan tiap seorang di antaranya mahu supaya diberi kepadanya lembaran surat yang terbuka (yang diturunkan dari langit untuk dibaca oleh mereka sendiri). (52)

(Surah al-Muddatstsir, 74: 52)

Masih banyak ayat lain yang menunjukkan kekufuran kaum musyrik Arab, keingkaran, dan kekerasan mereka. Permintaan yang mereka ajukan tanpa ada keperluan dengan permintaan itu hanyalah kerana terdorong oleh kekufuran dan keingkaran. Perihal mereka sama dengan apa yang dilakukan oleh kaum-kaum terdahulu dalam kalangan Ahli Kitab dan lain-lainnya, seperti yang dijelaskan oleh firman-Nya:

يَسْأَلُكَ أَهْلُ الْكِتَابِ أَنْ تُنزِلَ عَلَيْهِمْ كِتَابًا مِّنَ السَّمَاءِ فَقَدْ سَأَلُوا مُوسَىٰ أَكْبَرَ مِنْ ذَلِكَ فَقَالُوا أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً

Maksud: *Ahli Kitab (kaum Yahudi) meminta kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menurunkan kepada mereka sebuah Kitab dari langit. (Janganlah engkau merasa pelik), kerana sesungguhnya mereka meminta kepada Nabi Musa lebih besar dari itu. Mereka berkata, "Wahai Musa) perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata (supaya kami dapat melihatNya dan percaya kepada-Nya)".*

(Surah al-Nisa', 4: 153)

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata, "Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami)".*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 55)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/399) seterusnya menjelaskan bahawa adapun firman Allah SWT:

تَشَبَهَتْ قُلُوبُهُمْ

Maksud: *Hati mereka (sekaliannya) adalah bersamaan (degil dan kufur).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 118)

Maksudnya, hati orang musyrik Arab serupa dengan hati para pendahulu mereka dalam hal kekufuran, keingkaran, dan melampaui batas. Seperti yang diungkapkan oleh ayat lain, iaitu firman-Nya:

كَذَٰلِكَ مَا آتَىٰ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا قَالُوا سَاحِرٌ أَوْ مُجْنُونٌ ﴿٥٢﴾
 أَتَوَّصَوْا بِهِ ۗ بَلْ هُمْ قَوْمٌ طَٰغُونَ ﴿٥٣﴾

Maksud: *Demikianlah (keadaan tiap-tiap kaum terhadap Rasulullah samalah seperti keadaan kaummu wahai Muhammad) - tidak ada seorang Rasul pun yang datang kepada kaum-kaum yang terdahulu dari mereka, melainkan ada yang berkata, "Dia adalah seorang ahli sihir, atau seorang gila". (52) Adakah mereka semua berpesanan (dan mencapai kata sepakat) untuk melemparkan tuduhan*

itu ? (Sudah tentu mereka tidak dapat berbuat demikian), bahkan mereka semuanya adalah kaum yang melampaui batas (dalam keingkarannya). (53)

(Surah *al-Dhariyat*, 51: 52-53)

Seterusnya Allah SWT berfirman:

قَدْ بَيَّنَّا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١١٨﴾

Maksud: *Sesungguhnya Kami pun menerangkan ayat-ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin. (118)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 118)

Iaitu sesungguhnya Kami menerangkan tanda yang menunjukkan kebenaran rasul itu yang dengan adanya bukti tersebut tidak diperlukan lagi adanya pertanyaan dan tambahan lainnya bagi orang yang yakin, percaya, dan mahu mengikuti rasul serta mengerti bahawa apa yang didatangkan oleh mereka adalah dari sisi Allah SWT. Mengenai orang yang hati serta pendengarannya dikunci mati, dijadikan gisyawah (penutup) pada pandangannya, maka mereka adalah orang yang disebutkan oleh firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ حَقَّتْ عَلَيْهِمْ كَلِمَتُ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٩٦﴾ وَأَوْ
جَاءَتْهُمْ كُلُّ آيَةٍ حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٩٧﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang ditetapkan atas mereka hukuman Tuhanmu (dengan azab), mereka tidak akan beriman: (96) Walaupun*

datang kepada mereka segala jenis keterangan dan tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah dan kebenaran Rasul-rasul-Nya), sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya. (97)

(Surah Yunus, 10: 96-97)

Ayat ini membuktikan bahawa takdir seseorang itu sama ada bahagia atau celaka sudah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Seseorang yang sudah ditakdirkan bahagia akan beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Sebaliknya seseorang yang sudah ditakdirkan celaka tidak akan beriman sekalipun jika dibawa apa sahaja bentuk keterangan bagi membuktikan kebenaran Rasul utusan-Nya.

SURAH AL-BAQARAH (2: 119)

Setelah menjelaskan tentang sikap orang Musyrik yang tidak akan mahu beriman sekalipun dibentangkan bukti dan keterangan tentang kebenaran Nabi Muhammad SAW, lalu Allah SWT menjelaskan pula bahawa tugas baginda bukan untuk memastikan orang yang kafir menjadi beriman, tetapi tugas beliau hanyalah untuk memberi peringatan dan dakwah kepada umat manusia. Orang yang sudah ditakdirkan masuk neraka setelah dakwah sudah dijalankan ke atas mereka, maka baginda SAW tidak akan ditanyakan lagi tentang urusan orang kafir di dalam api neraka. Firman Allah SWT:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْئَلُ عَنْ أَصْحَابِ
الْجِيمِ ﴿١١٩﴾

Maksud: *Sesungguhnya Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang yang ingkar).*

Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka. (119)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 119)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/400), ayat ini berdasarkan kata-kata athar yang dikeluarkan oleh Imam (Ibn Abi Hatim, 1998: 1148 & 1149):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «أُنزِلَتْ عَلَيَّ: (إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا) قَالَ: «بَشِيرًا بِالْجَنَّةِ، وَنَذِيرًا مِنَ النَّارِ.»

Maksud: *Ibn 'Abbas, dari Nabi SAW yang bersabda, "Diturunkan kepadaku firman-Nya, "Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan kebenaran; sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan." Baginda SAW bersabda, "Sebagai pembawa berita gembira dengan surga dan pemberi peringatan terhadap neraka."*

(Ibn Abi Hatim)

Seterusnya Allah SWT berfirman:

وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ ﴿١١٩﴾

Maksud: *Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka. (119)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 119)

Menurut bacaan kebanyakan ulama qiraat ialah *wala tusalu* (وَلَا تُسْأَلُ) dengan *ta* yang dibaris depankan sebagai kalimat berita. Menurut bacaan

Ubay bin Ka'ab dikatakan *wa ma tasalu* (وَمَا تُسْأَلُ), iaitu yang bererti, “dan janganlah kamu bertanya.” Sedangkan menurut qiraat Ibn Mas'ud dibaca *wa lan tusalu* (وَلَنْ تُسْأَلَ). Qiraat ini dinukil oleh Imam (Ibn Jarir, 2001: 2/480) yang artinya Kami tidak akan menanyakan kepadamu tentang kekufuran orang yang kafir. Perihalnya sama dengan firman Allah SWT berikut:

فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

Maksud: Maka tidaklah menjadi hal kerana tanggunganmu hanyalah menyampaikan hukum-hukum yang kami turunkan kepadamu; dan urusan Kami menghitung dan membalas amal mereka. (40)

(Surah *al-Ra'd*, 13: 40)

Kenyataan yang sama juga dalam firman-Nya:

فَذِكْرٌ لَّكَ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾ لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصَيِّرٍ ﴿٢٢﴾

Maksud: Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan; (21) Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu). (22)

(Surah *al-Ghashiyah*, 88: 21-22)

Begitu juga dengan firman-Nya;

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِجَبَّارٍ فَذِكْرٌ بِالْقُرْءَانِ
مَنْ يَخَافُ وَعِيدِ ﴿٤٥﴾

Maksud: *Kami lebih mengetahui apa yang mereka katakan (dari berbagai tuduhan terhadapmu wahai Muhammad), dan engkau bukanlah seorang yang berkuasa memaksa mereka (supaya masing-masing beriman). Oleh itu, berilah peringatan dengan Al-Quran ini kepada orang yang takutkan janji azabKu. (45)*

(Surah Qaf, 50: 45)

Akan tetapi, ulama lainnya membacanya la tas'al dengan huruf *ta* yang dibaris ataskanm dengan makna nahi, iaitu membawa maksud, "Janganlah kamu tanyakan tentang keadaan mereka.

Menurut bahawa ayat ini berkait dengan keluhan Nabi SAW tentang ibu bapanya sebagaimana hadis berikut (Ibn Jarir, 2001: 1876):

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ كَعْبِ الْقُرَظِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَيْتَ شِعْرِي مَا فَعَلَ أَبَوَايَ، لَيْتَ شِعْرِي مَا فَعَلَ أَبَوَايَ؟» فَزَلَّتْ: (وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ) فَمَا ذَكَرَهُمَا حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksud: *Muhammad bin Ka'b al-Qurazi yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Aduhai, apakah yang dilakukan oleh kedua orang tuaku Aduhai, apakah yang dilakukan oleh kedua ibu bapakku. Aduhai, apakah yang dilakukan oleh kedua ayah ibuku?" Maka turunlah ayat wala tas-al 'an as-habil jahim (Dan janganlah kamu bertanya tentang penghuni neraka). Maka Baginda tidak lagi menyebut-nyebut kedua orang tuanya hingga Allah SWT mewafatkannya.*

(Ibn Jarir)

Imam Al-Qurtubi, M. A. (2003: 2/93) menyatakan, perumpamaan kalimat ini sama dengan kata-kata, "Jangan kamu tanyakan tentang

si Fulan.” Makna yang dimaksud ialah bahwa keadaan si Fulan melampaui apa yang menjadi dugaanmu.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/401) menyatakan bahwa pernyataan dalam kalangan para ulama bahwa Allah SWT menghidupkan bagi Nabi SAW kedua ibu bapanya hingga kedua-duanya beriman kepada baginda. Namun bagi Imam Ibn al-Kathir bahwa kenyataan ini disanggah disebabkan adanya hadis yang menyatakan berikut (Muslim, t.th.: 203):

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيْنَ أَبِي؟ قَالَ: «فِي النَّارِ»، فَلَمَّا قَفَى دَعَاؤُهُ، فَقَالَ: «إِنَّ أَبِي وَأَبَاكَ فِي النَّارِ»

Maksud: *Anas menceritakan bahawa seorang lelaki bertanya, “Wahai Rasulullah, “Di mana bapakku? Nabi SAW bersabda, “Di dalam neraka.” Setelah beberapa ketika Baginda SAW memanggilnya dan bersabda, “Sesungguhnya ayahku dan ayahmu berada dalam neraka.”*

(Muslim)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/401) bahwa hadis yang menceritakan tentang kedua-dua orang tua Nabi SAW dihidupkan kembali untuk beriman kepadanya tidak terdapat dalam kitab hadis yang enam (Sunan Sittah) dan tidak juga terdapat dalam kitab hadis yang lainnya. Sanad hadisnya berada dalam kedudukan daif.

Selain hadis Ibn Jarir (2001: 1876), terdapat juga hadis yang dikeluarkan oleh Ibn ‘Arabi (1997: 751) seperti berikut:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ كَعْبِ الْقُرْظِيِّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَا لَيْتَ شِعْرِي مَا فَعَلَ أَبَوَايَ» فَأَنْزَلَ اللَّهُ جَلَّ وَعَزَّ: يَا مُحَمَّدُ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ

Maksud: *Daud bin Abu Asim: Bahawa Nabi SAW di suatu hari bertanya, "Di manakah kedua orang tuaku?" Maka turunlah firman-Nya, "Sesungguhnya Kami mengutusmu (Muhammad) dengan kebenaran, sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan; dan janganlah kamu bertanya tentang penghuni neraka."*

(*Ibn 'Arabiyy*)

Hadis ini berkedudukan sebagai hadis mursal, sama dengan hadis sebelumnya. Sesungguhnya Ibn Jarir (2001: 2/481) membantah pendapat yang diriwayatkan dari Muhammad bin Ka'ab dan lain-lainnya dalam masalah ini kerana mustahil bagi Rasulullah SAW untuk ragu terhadap perkara yang berkaitan dengan kedua-dua orang tuanya. Ibn Jarir memilih qiraat yang pertama, iaitu yang membaca *wa la tus'alu* (وَلَا تُسْأَلُ). Namun sanggahan yang dikemukakannya itu dalam tafsir ayat ini masih perlu dipertimbangkan. Hal ini boleh saja terjadi pada saat Nabi SAW memohon ampun buat kedua-dua orang tuanya sebelum baginda SAW mengetahui nasib keduanya. Apabila baginda SAW sudah mengetahui hal tersebut, maka beliau berlepas diri dari kedua-duanya dan menceritakan keadaan yang dialami oleh kedua-dua orang tuanya bahawa kedua-dua mereka termasuk penghuni neraka seperti mana yang ditetapkan dalam kitab sahih. Dalam pada itu terdapat athar yang menyatakan (Ahmad, 2001: 6622):

عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ، قَالَ: لَقِيتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِي، فَقُلْتُ: أَخْبِرْنِي عَنْ صِفَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي التَّوْرَةِ، فَقَالَ: أَجَلٌ، وَاللَّهِ إِنَّهُ لَمَوْصُوفٌ فِي التَّوْرَةِ بِصِفَتِهِ فِي الْقُرْآنِ: يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا وَحَرًّا لِلْأُمِّيِّينَ، وَأَنْتَ عَبْدِي وَرَسُولِي، سَمَّيْتُكَ الْمُتَوَكَّلَ، لَسْتَ بِفِطْرٍ وَلَا

غَلِيظٍ، وَلَا سَخَابٍ بِالْأَسْوَاقِ - قَالَ يُؤْنَسُ: وَلَا صَخَابٍ فِي
 الْأَسْوَاقِ - وَلَا يَدْفَعُ السَّيِّئَةَ بِالسَّيِّئَةِ وَلَكِنْ يَعْفُو وَيَغْفِرُ،
 وَلَنْ يَقْبِضَهُ حَتَّى يُقِيمَ بِهِ الْمِلَّةَ الْعُجْجَاءَ، بَأَنْ يَقُولُوا: " لَا إِلَهَ
 إِلَّا اللَّهُ، فَيَفْتَحَ بِهَا أَعْيُنًا عُمَيَّا، وَآذَانًا صُمًّا، وَقُلُوبًا غُلْفًا "

Maksud: Abdullah bin Amr bin al-As ditanya, "Ceritakanlah kepadaku tentang sifat Rasulullah SAW dalam kitab Taurat." Maka Abdullah bin Amr bin al-As menjawab, "Baiklah, demi Allah, sesungguhnya sifat baginda yang disebutkan dalam kitab Taurat sama dengan yang disebutkan dalam al-Quran," iaitu seperti berikut: Hai Nabi, sesungguhnya Kami mengutus kamu sebagai saksi, pembawa berita gembira, pemberi peringatan, dan sebagai benteng pelindung bagi orang ummi (buta huruf). Engkau adalah hamba-Ku dan Rasul-Ku; Aku namai kamu mutawakkil (orang yang bertawakal), tidak keras, tidak kasar, tidak pernah bersuara keras di pasar-pasar, dan tidak pernah menolak (membalas) kejahatan dengan kejahatan lagi, tetapi memaafkan dan mengampuni. Allah SWT tidak akan mewafatkannya sebelum dia dapat meluruskan agama yang tadinya dibengkokkan (diselewengkan), hingga mereka mengucapkan, "Tidak ada Tuhan selain Allah SWT. Maka dengan melaluinya Allah SWT membuka mata yang buta, telinga yang tuli, dan hati yang tertutup.

(Ahmad)

Hadis ini pada dasarnya menyingkap tentang ciri Nabi Muhammad SAW yang diberitakan dalam kitab Taurat dan al-Quran. Ciri ini merupakan ciri yang penting bagi membuktikan diri Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir yang dijanjikan untuk diutuskan sebagai pembawa rahmat sekalian alam.

SURAH AL-BAQARAH (2: 120-121)

Setelah Allah SWT menceritakan bahwa tugas Nabi Muhammad SAW adalah hanya menyampaikan dakwah dan tidak bertanggungjawab tentang hidayah kepada orang yang didakwahkan, Allah SWT juga mengingatkan kepadanya dan umatnya bahwa orang Yahudi dan Nasrani tidak sesekali bersetuju dengan apa yang diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya berupa petunjuk Islam. Oleh itu, mereka perlu berhati-hati dengan golongan ini. Firman-Nya

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَىٰ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَ هُم مَعَدَّةَ الَّذِينَ أَجَاءُكَ مِنْ الْعَالَمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وِليٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾ الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُوْلَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ ۗ عِثَابُ الَّذِينَ أَخْسَرُوا ۗ ﴿١٢١﴾

Maksud: Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka), “Sungguh petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar.” Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu. (120) Orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang yang rugi. (121)

(Surah al-Baqarah, 2: 120-121)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/402), ayat ini menurut Ibnu Jarir membawa maksud, “*Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang terpesong itu).*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 120), iaitu orang Yahudi dan juga orang Nasrani itu wahai Muhammad, selamanya tidak akan senang kepadamu. Oleh kerana itu, tinggalkanlah usaha untuk membuat mereka senang dan suka kepadamu. Sekarang hadapkanlah dirimu untuk mendapatkan keredaan Allah SWT kerana engkau mengajak mereka untuk mengikuti perkara hak yang diturunkan oleh Allah SWT kepadamu.

Seterusnya Allah SWT melanjutkan firman-Nya:

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ

Maksud: *Katakanlah (kepada mereka), “Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar).”*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 120)

Ayat ini membawa maksud, “Katakanlah hai Muhammad, Katakanlah (kepada mereka), “*Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar).*” Dengan kata lain, petunjuk tersebut merupakan agama yang lurus, benar, sempurna, dan bersifat umum.

Qatadah menyatakan sehubungan dengan makna firman-Nya, “*Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar).*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 120), bahawa kalimat ini merupakan cara membantah yang diajarkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya untuk berdebat dengan orang yang sesat.

Selanjutnya Sayyidina Qatadah menyatakan bahawa sampai kepada kami sebuah hadis yang menyatakan (Muslim, t.th.: 1923):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي يُقَاتِلُونَ عَلَى الْحَقِّ ظَاهِرِينَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.»

Maksud: *Segolongan orang dalam kalangan umatku masih terus-menerus berperang dalam rangka membela perkara yang hak, tiada membuat mereka mudarat orang yang menentang mereka hingga datang perintah Allah SWT (hari kiamat)*

(Muslim)

Hadis ini menyatakan bahawa dalam kalangan umat walaupun selepas kewafatan nabi Muhammad SAW, dalam kalangan umat Islam tetap akan ada orang yang berjuang untuk menegakkan agama Allah SWT. Golongan ini yang menjadi sebab untuk Allah SWT memberikan hidaya sama dalam kalangan orang bukan Islam dan orang Islam.

Allah SWT melarang untuk Nabi Muhammad SAW berusaha untuk keinginan orang kafir dalam kalangan Yahudi dan Nasrani sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَيْنِ اتَّبَعَتْ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

Maksud: *Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu. (120)*

(Surah al-Baqarah, 2: 120-121)

Dalam ayat ini terkandung makna ancaman dan peringatan yang keras bagi umat Nabi SAW agar mereka jangan sekali-kali mengikuti jalan-jalan kaum Yahudi dan kaum Nasrani, sesudah mereka mempunyai pengetahuan dari al-Quran dan sunah. Sekalipun ayat ini ditujukan kepada Rasul SAW, tetapi perintahnya juga ditujukan kepada umatnya.

Kebanyakan ulama fiqaih menyimpulkan dalil dari firman-Nya yang bermaksud, “*Sehingga engkau menurut agama mereka (yang terpesong itu).*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 120) Bahawa kekufuran itu dengan berbagai macam alirannya merupakan satu agama, kerana dalam ayat ini lafaz *millah* diungkapkan dalam bentuk mufrad (tunggal). Perihalnya sama dengan firman Allah SWT dalam ayat yang lain, iaitu:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksud: *Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.* (6)

(Surah *al-Kafirun*, 109: 6)

Berdasarkan pengertian ini dapat disimpulkan bahawa antara orang Muslim dan orang kafir tidak boleh ada saling mewaris, dan masing-masing dalam kalangan orang kafir boleh mewaris saudara sekafirmnya, baik seagama ataupun tidak; kerana sekalipun mereka terdiri atas berbagai aliran, semuanya dianggap sebagai satu agama, iaitu agama kafir.

Demikianlah menurut mazhab Imam Syafii, Imam Abu Hanifah, dan Imam Ahmad dalam salah satu riwayat yang bersumber darinya. Sedangkan dalam riwayat yang lainnya Imam Ahmad menyatakan pendapat yang sama dengan pendapat Imam Malik, iaitu tidak boleh saling mewaris antara berbagai macam agama, seperti yang dijelaskan dalam hadis.

Seterusnya firman Allah SWT pula:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ

Maksud: *Orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 121)

Menurut ayat ini orang yang diberikan kitab merujuk kepada:

- (1) Qatadah, Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam dan dipilih oleh Ibn Jarir: Orang Yahudi dan Nasrani.
- (2) Menurut Sayyidina Qatadah juga bahawa mereka adalah sahabat Rasulullah SAW.

Manakala maksud ayat, “Mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan” adalah berdasarkan pandangan berikut:

- (1) Umar bin al-Khattab: Apabila si pembaca melewati penyebutan tentang syurga, maka ia memohon syurga kepada Allah SWT. Apabila ia melewati penyebutan tentang neraka, maka ia meminta perlindungan dari neraka.
- (2) Ibn Mas'ud, al-Suddi: Pembaca menghalalkan apa yang diharamkan Allah SWT dan mengharamkan apa yang diharamkan Allah, membacanya sama seperti apa yang diturunkan oleh Allah, dan tidak mengubah kalimat dari tempatnya masing-masing, serta tidak menakwilkan sesuatu pun darinya dengan takwil dari dirinya sendiri.
- (3) Al-Hasan al-Basri: Mengetahui kemuhkaman bacaannya dan beriman kepada mutasyabihnya, serta mempasrahkan hal yang sukar bagi mereka kepada yang mengetahuinya.
- (4) Ibn ‘Abbas: Mengikuti petunjuknya dengan cara yang bersungguh-sungguh sebagaimana jalan yang sudah dilalui. Hal ini sebagaimana firman-

Nya yang menggunakan kalimat yang sama sebagai bukti bahwa makna *yatlunahu* (يَتْلُوْنَهُ) adalah *ittaba'aha* (اتَّبَعَهَا), iaitu mengikutinya:

وَالْقَمَرَ إِذَا تَلَّهَا

Maksud: *Dan bulan apabila ia mengiringinya; (2)*

(Surah *al-Shams*, 91: 2)

Ayat ini menjelaskan bahawa perkataan *talaha* (تَلَّهَا) ialah *ittab'aha* (اتَّبَعَهَا), iaitu mengikutinya.

Kemudian Imam Al-Qurtubi, M. (1964: 2/195) menyatakan bahawa terdapat beberapa athar yang selaras dengan makna yang dibentangkan oleh kalangan sahabat dan ulama tafsir ini sebagaimana hadis-hadis berikut (Al-Darimi, 2000: 3371):

عَنْ أَبِي مُوسَى، أَنَّهُ قَالَ: «إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ كَأَنَّ لَكُمْ أَجْرًا،
وَكَأَنَّ لَكُمْ ذِكْرًا، وَكَأَنَّ عَلَيْكُمْ وَزْرًا، اتَّبِعُوا الْقُرْآنَ وَلَا
يَتَّبِعَنَّكُمْ الْقُرْآنُ، فَإِنَّهُ مَنْ يَتَّبِعِ الْقُرْآنَ، يَهْبِطُ بِهِ فِي رِيَاضِ
الْجَنَّةِ، وَمَنْ اتَّبَعَهُ الْقُرْآنُ يُرْخُ فِي قَفَاهُ، فَيَقْذِفُهُ فِي جَهَنَّمَ»

Maksud: *Abu Musa bahwa ia berkata, "Sesungguhnya al-Quran ini dapat menjadi sarana pahalamu, dapat menjadi sarana zikirmu dan sebagai cahaya bagimu, namun dapat juga menjadi penyebab dosamu. Oleh itu, ikutilah al-Quran ini dan jangan sampai al-Quran mengikutimu. Sebab orang yang mengikuti al-Quran akan singgah di kebun surga, sedangkan jika al-Quran yang mengikuti seseorang maka al-Quran akan mendorong di tengkuknya lalu melemparkannya ke dalam neraka jahannam."*

(Al-Darimi)

Begitu juga dengan hadis berikut yang menyatakan cara Rasulullah SAW membaca al-Quran (Al-Nasa'i, 1986):

عَنْ حُدَيْفَةَ «أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَرَأَ الْبَقْرَةَ، وَآلَ عِمْرَانَ، وَالنِّسَاءَ فِي رُكْعَةٍ لَا يَمُرُّ بِآيَةٍ رَحْمَةٍ إِلَّا سَأَلَ، وَلَا بِآيَةٍ عَذَابٍ إِلَّا اسْتَجَارَ»

Maksud: *Khuzayfah* menceritakan, “Sesungguhnya Nabi SAW ketika membaca surah al-Baqarah, Ali ‘Imran, dan al-Nisa’, baginda apabila melewati ayat rahmat, baginda meminta rahmat; dan apabila melewati ayat azab, beliau meminta perlindungan (kepada Allah SWT dari azab).”

(Al-Nasa’i)

Keadaan ini yang dituntut oleh Allah SWT dalam kalangan kaum Yahudi dan Nasrani serta umat Islam agar membaca kitab yang diturunkan oleh Allah SWT dengan cara yang sebenarnya.

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/402) menyambung tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ

Maksud: mereka itulah orang yang beriman kepadanya.

(Surah al-Baqarah, 2: 120-121)

Bagian ini merupakan khabar dari firman sebelumnya, iaitu:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ

Maksud: *Orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 121)

Dengan kata lain, barang siapa dalam kalangan ahli kitab yang menegakkan dan mengamalkan kitab yang diturunkan kepada para nabi terdahulu dengan pengamalan yang sebenarnya, nescaya dia akan beriman kepada risalah yang ditugaskan kepada Nabi Muhammad SAW. Perihal ini sama dengan makna yang terkandung dalam ayat lain, iaitu firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ مِنْ رَبِّهِمْ
لَأَكْلُوا مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ تَحْتِ أَرْجُلِهِمْ

Maksud: *Dan kalau mereka bersungguh-sungguh menegakkan (menjalankan perintah Allah dalam) Taurat dan Injil dan apa yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka (al-Quran), nescaya mereka akan makan (yang mewah) dari atas mereka (langit) dan dari bawah kaki mereka (bumi).*

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 66)

Begitu juga dengan firman-Nya:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَسْتُمْ عَلَى شَيْءٍ حَتَّى تُقِيمُوا التَّوْرَةَ
وَالْإِنْجِيلَ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ

Maksud: *Katakanlah, "Wahai Ahli Kitab! Kamu tidak dikira mempunyai sesuatu agama sehingga kamu tegakkan ajaran Kitab Taurat dan Injil (yang membawa kamu percaya kepada Nabi Muhammad) dan apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu (yaitu al-Quran)"*

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 68)

Dengan kata lain, apabila kamu menegakkannya dengan sebenarnya dan kamu beriman kepadanya dengan iman yang sebenarnya, serta kamu membenarkan berita yang terkandung dalamnya mengenai kerasulan Nabi Muhammad SAW, sifat dan ciri khasnya, perintah mengikutinya, membantunya dan mendukungnya, nescaya hal itu akan menuntun kamu kepada kebenaran dan mendorong kamu untuk mengikuti kebaikan dunia dan akhirat. Seperti yang disebutkan dalam firman lainnya, iaitu:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا
عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ
الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ
عَلَيْهِمْ ۗ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا
النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksud: *Iaitu orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan*

perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban dan belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang yang berjaya. (157)

(Surah *al-A'raf*, 7: 157)

Allah SWT berfirman:

قُلْ ءَامِنُوا بِهِ ؕ أَوْ لَا تُوْمِنُوا ۗ إِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهِ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ۖ وَيَقُولُونَ سُبْحَانَ رَبِّنَا ۗ إِنْ كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang yang ingkar itu), "Sama ada kamu beriman kepada al-Quran atau kamu tiada beriman, (tidaklah menjadi hal); kerana sesungguhnya orang yang diberi ilmu sebelum itu apabila dibacakan aAl-Quran kepada mereka, mereka segera tunduk sujud (dalam keadaan hiba dan khusyuk); (107) Serta mereka menegaskan (dalam sujudnya), "Maha Suci Tuhan kami! Sesungguhnya janji Tuhan kami tetap terlaksana. " (108)

(Surah *al-Isra'*, 17: 107-108)

Ertinya, apa yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada kami mengenai perkara Nabi Muhammad SAW pasti terjadi. Seterusnya Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِهِ هُمْ بِهِ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا
يُنزَلُ عَلَيْهِمْ قَالُوا ءَأَمَّا بِهِ ءِتَانَهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّنَا إِنَّا كُنَّا مِنْ
قَبْلِهِ مُسْلِمِينَ ﴿٥٣﴾ أُولَئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا
وَيَذَرُونِ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾

Maksud: Orang yang Kami datangkan kepada mereka al-Kitab sebelum al-Quran, mereka beriman (pula) dengan al-Quran itu. Dan apabila dibacakan (al-Quran itu) kepada mereka, mereka berkata, “Kami beriman kepadanya, sesungguhnya al-Quran itu adalah suatu kebenaran dari Tuhan kami, sesungguhnya kami sebelumnya adalah orang yang membenarkan(nya).” Mereka itu diberi pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan; dan sebagian dari apa yang Kami rezekikan kepada mereka, mereka nafkahkan.

(Surah al-Qasas, 28: 52-54)

Allah SWT juga berfirman:

فَإِنْ حَاجُّوكُمْ فَقُلْ أَسَمْتُمْ وَجْهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ وَقُلْ لِلَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ ءَأَسَمْتُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا
وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿٥٥﴾

Maksud: Orang yang Kami beri Kitab sebelum turunya Al-Quran, mereka beriman kepadanya. (52) Dan apabila al-Quran itu dibacakan kepada mereka; mereka, berkata, “Kami beriman kepadanya, sesungguhnya ia adalah perkara yang betul benar dari Tuhan kami; sesungguhnya

kami sebelum ia diturunkan, telahpun mematuhiya ". (53) Mereka itu akan beroleh pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka; dan juga kerana mereka menolak kejahatan dengan kebaikan, dan mereka menderma dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. (54)

(Surah Ali 'Imran, 3: 20)

Oleh kerana itu, maka Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ ۚ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

Maksud: *Dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang yang rugi. (121)*

(Surah al-Baqarah, 2: 121)

Seperti makna yang terkandung dalam firman lainnya, iaitu:

وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ ۚ مِنَ الْأَحْزَابِ ۚ فَالنَّارُ مَوْعِدُهُ ۗ

Maksud: *Orang yang berkeadaan demikian, mengakui - menerima al-Quran; dan sesiapa ingkar akan al-Quran itu dari kumpulan kaum kafir, maka nerakalah dijanjikan menjadi tempatnya.*

(Surah Hud, 11: 17)

Dalam sebuah hadis sahih disebutkan (Muslim, t.th.: 153):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: «وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ يَهُودِيٍّ، وَلَا نَصْرَانِيٍّ، ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ، إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ»

Maksud: Demi Tuhan yang jiwaku berada dalam genggaman kekuasaannya, tiada seorang pun yang mendengar tentangku dalam kalangan umat ini, baik orang Yahudi ataupun orang Nasrani, kemudian ia tidak beriman kepadaku, melainkan dia masuk neraka.

(Muslim)

Orang Yahudi dan Nasrani khususnya ulama mereka sudah mengetahui kedudukan mereka yang sudah terkeluar daripada jalan kebenaran. Oleh kerana itu, mereka sangat cemburu dengan kebenaran yang ada pada umat Islam dan agamanya. Oleh kerana itu, mereka berusaha agama ini juga terkeluar daripada diri umat Islam kerana iri hati yang dantang dalam diri mereka.

SURAH AL-BAQARAH (2: 122-123)

Keengganan orang ahli Kitab khususnya kaum Yahudi untuk tunduk beriman kepada Nabi Muhammad SAW menyebabkan Allah SWT sentiasa mengingatkan mereka tentang nikmat yang banyak yang sudah diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Sekali lagi, Allah SWT mengingatkan mereka bahawa kegagalan mereka untuk mengikuti ajaran kitab Taurat dan Injil menjadikan mereka terkeluar daripada jalan kebenaran yang menyebabkan mereka menjadi kafur. Hal ini seterusnya menyebabkan mereka tidak akan mendapat pembelaan di alam akhirat. Firman Allah SWT:

يٰٓبَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَّلْتُكُمْ
 عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿١٢٢﴾ وَأَتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْرِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا
 يُقْبَلُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا تَنْفَعُهَا شَفَاعَةٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿١٢٣﴾

Maksud: *Wahai Bani Israil, kenanglah akan limpah kurnia nikmat-Ku yang Kuberikan kepada kamu, dan Aku melebihkan (datuk nenek) kamu (yang taat dahulu) atas umat-umat yang lain (yang ada pada zamannya). (122) Dan peliharalah diri kamu dari (huru-hara) hari kiamat (yang padanya) seseorang tidak dapat mengganti atau melepaskan orang lain sedikitpun, dan tidak akan diterima daripadanya sebarang tebusan, dan tidak akan memberi manfaat kepadanya sebarang syafaat; dan orang yang salah itu tidak akan ditolong (dari azab sengsara). (123)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 47)

Imam Ibn al-Kathir (1999) menjelaskan bahawa dalam pembahasan yang lalu, iaitu pada permulaan surat *al-Baqarah* (2: 47: 48) disebutkan ayat yang sama makna dengan ayat ini (Jasmi, 2018a, 2018b). Sengaja diulangi dalam bahagian ini untuk mengukuhkan maknanya dan sebagai anjuran untuk mengikuti Rasul dan Nabi yang ummi yang mereka jumpai sifatnya, ciri khasnya, namanya, perkaranya, dan umatnya dalam kitab mereka. Maka Allah SWT memperingatkan mereka agar jangan menyembunyikan hal dan anugerah tersebut yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka sebagai nikmat dari-Nya. Allah SWT memerintahkan agar mereka selalu ingat akan nikmat duniawi dan nikmat agama yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Untuk itu, janganlah mereka merasa dengki dan iri kepada anak bapa saudara mereka, iaitu bangsa Arab atas rezeki Allah SWT yang diberikan kepada mereka, berupa diutus-Nya seorang rasul terakhir yang dijadikan-Nya dalam kalangan mereka.

Janganlah kedengkian tersebut mendorong mereka menentang Rasul itu, mendustakannya, dan tidak berpihak kepadanya.

PENGAJARAN AYAT

Perbincangan ayat terfokus kepada Allah SWT Terkaya daripada memiliki anak dan isteri, hanya kepada Allah SWT Tuhan yang disembah dan dipatuhi; Allah SWT tidak melayan sebahagian permintaan golongan kafir tentang pertunjukan mukjizat; tugas dan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW; dan sifat nabi yang disebutkan dalam Taurat serta tuntutan untuk mengikuti ajaran kitab dengan cara yang sebaik-baiknya.

ALLAH SWT TERKAYA DARIPADA MEMILIKI ANAK DAN ISTERI

Menjelaskan kepada non Muslim khususnya kepada kaum Nasrani dan golongan agama yang mempercayai tentang Tuhan ada anak (surah *al-Baqarah*, 2: 116-117; surah *al-An'am*, 6: 101). Manakala kaum Yahudi dan musyrikin yang mempercayai para malaikat merupakan anak perempuan tuhan (surah *Maryam*, 19: 88-95; Ibn al-Kathir, 1999: 1/396).

Allah SWT menegaskan bahawa dia tidak mempunyai anak dan Dia tidak memerlukannya. Selain tidak mempunyai anak, Dia juga Dia tidak diperanakkan (surah *al-Baqarah*, 2: 116-117; surah *al-Ikhlâs*, 112: 2; Al-Nasa'i, 1986). Mustahil Allah SWT mempunyai anak kerana dia tidak memiliki isteri dan tidak memerlukannya (Surah *al-An'am*, 6: 101). Ciri ini merupakan salah satu ciri penting sifat Tuhan kerana:

- (1) Hal ini bagi menunjukkan Tuhan berbeza dengan para makhluk yang diciptakan. Para makhluk memerlukan generasi untuk kelangsungan keturunan. Sedangkan Tuhan tidak memerlukan kelangsungan itu disebabkan sifatnya yang tiada permulaan dan tiada kesudahan serta mencipta dan memiliki semua para makhluk-

Nya. Harus baginya untuk mengadakan sesuatu atau meniadakan tanpa sabarang halangan dan kesusahan (surah al-An‘am, 6: 101).

- (2) Mustahil bagi Allah SWT memiliki anak dalam kalangan ciptaannya kerana Dia yang menciptakan semuanya (surah *al-Baqarah*, 2: 116; Ibn al-Kathir, 1999: 1/396). Tambahan pula anak dan ibu bapa dan isteri daripada segi akal nya mestilah daripada spesis yang sama sedangkan Allah SWT tidak ada seumpama ciri diri-Nya dengan apa sahaja ciri spesis yang terdapat dalam alam kejadian yang dijadikan-Nya (surah al-An‘am, 6: 101; Ibn al-Kathir, 1999: 1/396; al-Nasa’i, 1986: 2078).
- (3) Semua makhluk Allah SWT yang lain melainkan manusia sama seperti langit, bumi, dan gunung ganang juga tidak bersetuju dengan kenyataan Allah SWT mempunyai anak (Surah *Maryam*, 19: 88-95).
- (4) Kepercayaan Allah SWT mempunyai anak ini merupakan salah satu bentuk cacian terhadap-Nya. Dosa cacian ini adalah sangat besar dosa di sisi-Nya (surah *Maryam*, 19: 89; Al-Bukhari, 2001: 4482; Al-Nasa’i, 1986: 2078) dan mereka akan dihadapkan di hadapan Allah SWT dalam mahkamah-Nya untuk didakwa tentang kenyataan cacian ini surah *Maryam*, 19: 93-95).

Namun, sifat pemurah Allah SWT juga terhadap para hamba yang kafir dan mencaci-Nya dengan mengatakan Allah SWT mempunyai anak. Namun Allah SWT tetap bersabar dan memberikan mereka peluang untuk terus hidup di dunia serta diberikan untuk mereka rezeki (Al-Bukhari, 2001: 6099; Muslim, t.th.: 2804).

HANYA KEPADA ALLAH SWT TUHAN YANG DISEMBAH DAN DIPATUHI

Umat Islam dan non Muslim wajar mengetahui dan memahami bahawa hanya kepada Allah SWT sahaja mereka boleh menyembah dengan patuh, dan berdoa. Hal ini disebabkan:

- (1) Segala makhluk Allah SWT yang lain daripada manusia dan jin berada dalam keadaan tunduk beribadat kepada-Nya. Ada dalam kalangan makhluk ini tunduk dengan rela dan terpaksa (surah *al-Ra'd*, 13: 15).
- (2) Kekuasaan Allah SWT adalah bersifat mutlak dan dia boleh menciptakan makhluknya tanpa sebarang halangan untuk menjadi apa yang diinginkan dengan hanya mengatakan, "jadi." Maka terjadilah sesuatu makhluk yang diinginkan oleh Allah SWT itu (surah *al-Baqarah*, 2: 117; surah Yasin, 36: 82; surah al-Nahl, 16: 40) dengan sekelip mata (surah *al-Qamar*, 54: 50). Contoh yang terdekat tentang penciptaan Nabi Isa AS yang dijadikan tanpa bapa yang terkeluar dan tabie alam (surah *Ali 'Imran*, 3: 59).
- (3) Kedegilan manusia untuk tunduk kepada Allah SWT akan mengakibatkan akibat yang buruk kepada diri mereka sendiri.

ALLAH SWT TIDAK MELAYAN SEBAHAGIAN PERMINTAAN GOLONGAN KAFIR TENTANG PERTUNJUKAN MUKJIZAT

Golongan Musyrik wajar mengetahui dan memahami bahawa mengapa sebahagian permintaan mereka agar Nabi Muhammad SAW menunjukkan mukjizat bagi membuktikan kenabiannya. Antara permintaan mereka ialah:

- (1) Allah SWT berkata-kata dengan golongan kafir secara terus tentang kebenaran Nabi Muhammad SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 118).
- (2) Menunjukkan mukjizat yang hebat-hebat (surah *al-Baqarah*, 2: 118) sepertimana yang diberikan oleh Allah SWT kepada nabi dan Rasul yang terdahulu (surah al-An'am, 6: 124).
- (3) Antara permintaan kaum musyrik agar ditunjukkan mukjizat:
 - (a) Memancarkan matair dari bumi (surah *al-Isra'*, 17: 90).
 - (b) Menghasilkan kebun dari pohon tamar dan anggur dan mengalirkan sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus (surah *al-Isra'*, 17: 91).

- (c) Gugurkan langit berkeping-keping sebagaimana azab yang dijanjikan pada hari kiamat (surah *al-Isra'*, 17: 92).
- (d) Allah dan malaikat untuk kami menyaksikan kebenaran Nabi Muhammad (surah *al-Isra'*, 17: 92; surah *al-Furqan*, 25: 21; surah *al-Baqarah*, 2: 55).
- (e) Membina sebuah rumah terhias dari emas (surah *al-Isra'*, 17: 93).
- (f) Nabi Muhammad Naik ke langit (surah *al-Isra'*, 17: 93).
- (g) Turunkan kitab sebuah seperti Injil dan Zabur yang dapat dibaca secara keseluruhan (surah *al-Isra'*, 17: 93; surah *al-Muddatsir*, 74: 52; Surah *al-Nisa*, 4: 153).

Permintaan mereka tidak dilayan disebabkan kedegilan hati orang kafir musyrik menurut al-Quran adalah sama degilnya dengan kaum Yahudi, iaitu dari segi:

- (1) Sekalipun sudah ditunjukkan permintaan mereka untuk berkata-kata secara terus, mereka tetap akan kufur (surah *al-Baqarah*, 2: 118). Permintaan ini tidak lebih daripada satu bentuk penipuan untuk tidak tunduk beriman kepada Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang pernah berlaku kepada Nabi terdahulu (Surah *al-An'am*, 6: 124).
- (2) Jika ditunjukkan mukjizat, nescaya orang kafir Musyrik sebagai orang kafir sebelum ini akan berkata bahawa mukjizat tersebut tidak lebih daripada amalan sihir. Manakala nabi yang mempersembahkan mukjizat dituduh sebagai orang gila (surah *al-Dharyat*, 51: 52-53).
- (3) Begitu juga jika ditunjukkan dengan bermacam-macam mukjizat yang lain, mereka masih tidak mahu beriman (surah *al-Baqarah*, 2: 118).
- (4) Al-Quran itu sendiri merupakan mukjizat yang membezakan antara kitab al-Quran berbanding kitab-kitab sebelumnya yang dijamin kesuciannya. Kitab al-Quran ini menjadi hujah yang tidak terkalah bagi membuktikan kebenaran Nabi Muhammad sekiranya orang

kafir-benar-benar inginkan kebenaran agama Islam yang dibawanya (surah *al-Baqarah*, 2: 119).

- (5) Orang yang tidak menerima kebenaran itu sebenarnya sudah ditakdirkan oleh Allah SWT untuk tidak beriman dan mereka juga sudah ditakdirkan untuk disiksa selama-lamanya dalam neraka dengan azab yang pedih (surah Yunus, 10: 96-97).

Sebab itulah mereka tetap tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW sebagaimana Rasul terdahulu yang berdakwah dan dakwah mereka tidak diterima oleh para pengikutnya disebabkan oleh takdir yang sudah ditetapkan untuk mereka.

TANGGUNGJAWAB NABI MUHAMMAD SAW

Non Muslim dan Muslim wajar mengetahui dan memahami bahawa Nabi Muhammad SAW hanyalah seorang Rasul yang diutus membawa kebenaran Islam dan bertugas:

- (1) Menyampaikan berita gembira kepada sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan agama yang diturunkan bersama dengannya. Memberi peringatan tentang berita azab kepada orang yang enggan beriman kepada Allah SWT dan agama yang diturun bersama dengannya (surah *al-Baqarah*, 2: 119; Ibn al-Kathir 1999: 1/400; Ibn Abi Hatim, 1998: 1148 & 1149).
- (2) Setelah Nabi SAW menjalankan tugasnya berdakwah kepada agama Islam dan sekiranya orang kafir tidak mahu mengikutnya dan mereka ditakdirkan masuk neraka, maka hal orang kafir yang masuk neraka tidak akan dibebankan kepada baginda. Hal ini kerana Nabi SAW hanya ditugaskan menyampaikan dakwah dan bukan memastikan mereka mendapat hidayah (surah *al-Baqarah*, 2: 119; surah *al-Ra'd*, 13: 40; surah *al-Ghashiyah*, 88: 21-2; surah Qaf, 50: 45).
- (3) Kaum Yahudi dan Nasrani sampai bila-bilapun sehingga ke hari kiamat tidak akan pernah bersetuju dengan kebenaran ajaran Islam

sehinggalah Nabi Muhammad SAW dan umatnya mengikut ajaran sesat kedua-dua agama itu (surah *al-Baqarah*, 2: 119).

- (4) Menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia dengan mengikut ajaran sebenar dan tidak menyesuaikan ajaran Islam mengikut kehendak orang kafir khususnya dalam kalangan Yahudi dan Nasrani (surah *al-Baqarah*, 2: 119; surah *al-Kafirun*, 109: 6).
- (5) Sekiranya nabi menyampaikan ajaran mengikut kehendak orang Yahudi dan Nasrani, nescaya Allah SWT tidak akan membantu kejayaan dakwah baginda SAW dan tidak akan melindungi baginda SAW dalam dakwahnya (surah *al-Baqarah*, 2: 120).
- (6) Perkara ini yang dinyatakan dalam kitab Taurat dan Injil dan sekiranya orang Yahudi dan Nasrani mahu tunduk dan beriman kepada Nabi Muhammad SAW maka yang untungnya adalah mereka sendiri (surah *al-Baqarah*, 2: 121).
- (7) Oleh kerana Nabi SAW sudah menyempurnakan dakwah yang diperintahkan mengikut jalan yang disuruh oleh Allah SWT. Maka selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW pula, Allah melangsungkan agama Islam yang dibawa olehnya dengan dibangkitkan pejuang Islam yang berjuang untuk menegakkan agama itu hingga ke hari kiamat (Muslim, t.th.: 1923).

Terbukti Nabi Muhammad SAW sudah menyempurna apa yang seharusnya disempurnakan tentang menyampaikan risalah Allah SWT kepada umat manusia dengan jalan yang dituntut. Oleh kerana itu, pertolongan Allah SWT dan perlindungan-Nya sentiasa merahmati golongan yang mengikut jalan tersebut sekalipun umat Islam sentiasa dimusuhi oleh golongan Yahudi dan Nasrani sehingga ke hari kiamat.

SIFAT NABI YANG DISEBUTKAN DALAM TAURAT

Umat Islam dan non Muslim wajar mengetahui dan memahami tentang sifat Nabi Muhammad SAW yang ada dinyatakan oleh Kitab Taurat dan al-Quran adalah seperti berikut:

- (1) Ummi (Surah al-A'raf, 7: 157).
- (2) Menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar (surah al-A'raf, 7: 157).
- (3) Menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram (surah al-A'raf, 7: 157).
- (4) Menjadi saksi kepada umat manusia di dunia dan akhirat (Ahmad, 2001: 6622).
- (5) Menghapuskan perhambaan dan kezaliman (Surah al-A'raf, 7: 157).
- (6) Pembawa berita gembira (Ahmad, 2001: 6622).
- (7) Pemberi peringatan (Ahmad, 2001: 6622).
- (8) Sebagai benteng pelindung bagi orang ummi (buta huruf) (Ahmad, 2001: 6622).
- (9) Menjadi hamba Allah SWT dan Rasul-Nya (Ahmad, 2001: 6622).
- (10) Sentiasa dan selalu bertawakal (Ahmad, 2001: 6622).
- (11) Tidak keras, tidak kasar, tidak pernah bersuara keras di pasar (Ahmad, 2001: 6622).
- (12) Tidak pernah menolak (membalas) kejahatan dengan kejahatan lagi, tetapi memaafkan dan mengampuni (Ahmad, 2001: 6622).
- (13) Allah SWT tidak akan mewafatkan baginda SAW sebelum disempurnakan agama yang dibawa sehingga mereka mengucapkan, "Tidak ada Tuhan selain Allah SWT (Ahmad, 2001: 6622).

Maka dengan melalui dakwahnya Allah SWT memberi pertunjuk kepada umat manusia hingga ke hari kiamat. Penolongan kepada Rasulullah SAW dan dan penegak ajarannya hingga ke hari kiamt diiktiraf sebagai orang yang berjaya (surah al-A'raf, 7: 157).

TUNTUTAN UNTUK MENGIKUTI AJARAN KITAB DENGAN CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA

Umat Islam dan kaum Yahudi dan Nasrani dituntut untuk mengetahui, memahami, dan mengalkan ajaran kitab yang diturunkan kepada mereka masing-masing dengan cara (Surah *al-Baqarah*, 2: 121):

- (1) Membaca sekerang mungkin al-Kitab atau al-Quran dan dijadikan amalan dan zikir harian bagi memperkukuhkan rohani (Al-Darimi, 2000: 3371).
- (2) Ketika membaca al-Kitab atau al-Quran dan sedang melalui ayat yang menceritakan tentang rahmat dan syurga, pembacanya dituntut untuk memohon rahmat dan syurga tersebut untuk dirinya (Al-Nasa'i, 1986).
- (3) Manakala ketika membaca al-Kitab atau al-Quran dan dia sedang berada dalam ayat yang menceritakan tentang azab, maka pembacanya dituntut untuk memohon agar dijauhkan daripada azab tersebut (Al-Nasa'i, 1986).
- (4) Bersetuju dengan segala hukum hakam sama ada yang halal atau yang haram dalam al-kitab dan al-Quran dan berusaha untuk mengamalkannya dalam kehidupan.
- (5) Ketika bertemu dengan ayat mutasyabihat dalam al-Kitab dan al-Quran dan ilmu tidak sampai berjaya memahami dengan sempurna, maka dia menyerahkan ayat tersebut kepada Allah SWT dan mentakwilkan dengan tidak cara tanpa pengetahuan.
- (6) Apa yang lebih utama bagi kaum Yahudi dan Nasrani ialah membaca al-Kitab dengan menfokuskan tentang kedatangan Nabi Muhammad SAW, sifatnya, dan agama yang dibawanya untuk umat manusia agar mereka tunduk beriman kepadanya (surah *al-Ma'idah*, 5: 68; surah *al-A'raf*, 7: 157; surah *al-Isra'*, 17: 107-108; surah *al-Ma'idah*, 5: 68). Kejayaan beriman atau tidak kepada Nabi Muhammad SAW menyebabkan mereka dijanjikan:
 - (a) Orang yang beriman dalam kalangan Yahudi dan Nasrani dijanjikan dengan kemurahan rezeki daripada langit dan bumi (Surah *al-Ma'idah*, 5: 66; surah *al-Qasas*, 28: 52-54).
 - (b) Begitu juga mereka dijanjikan dengan dua pahala, iaitu kerana beriman kepada kitab Taurat dan Injil dan kerana beriman kepada al-Quran (surah *al-Qasas*, 28: 52-54; surah *Ali Imran*, 3: 20).

- (c) Mereka yang gagal beriman akan digolongkan dalam kalangan orang kafir dan akan dimasukkan ke dalam api neraka (surah Hud, 11: 17; Muslim, t.th.: 153).

Semua ini yang dimaksudkan dengan membaca kitab dengan sebenar-benar mengikuti jalan kebenaran (Surah *al-Baqarah*, 2: 121). Perintah ini bukan sahaja ditujukan kepada umat Yahudi dan Nasrani terhadap kitab mereka Taurat dan Injil, tetapi juga umat Islam terhadap Kitab al-Quran (Surah *al-Ma'idah*, 5: 66).

RUMUSAN

Perbincangan ayat sudah menfokuskan kepada huraian empat kumpulan ayat, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 116-117), surah *al-Baqarah* (2: 118), surah *al-Baqarah* (2: 119), surah *al-Baqarah* (2: 120-121). Hasil daripada perbincangan ayat juga, maka tulisan ini berjaya merumuskan enam pengajaran yang berkaitan dengan akidah Islam khususnya tentang ketuhanan dan kenabian khususnya tentang ciri Allah SWT yang tidak beranak dan tidak diperanakan; Allah SWT sahaja tempat yang wajib makhluk tunduk, patut dan sembah; tugas dan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW; sifat Nabi Muhammad SAW, dan tuntutan untuk mengikuti ajaran kitab yang diturunkan oleh Allah SWT khusus al-Quran.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa*

- Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, ‘Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Al-Nasa’i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. ‘Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn ‘Arabiyy, Ahmad. 1997. *Mu‘jam Ibn ‘Arabiyy*. ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim bin Ahmad al-Hussayn (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Dar Ibn al-Jawzy.
- Ibn Abi Hatim, ‘Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim li bin Abi Hatim*. As‘ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Kertas Kerja

- dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan dan Keutamaan Ban' sraih: Surah Al-Baqarah (2: 47-50)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Jld. 21. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Jld. 20. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Abu Dawud*, 12, 13, 56
Ahmad, 11, 12, 29, 30, 34, 52, 56
 akidah, 1, 55
al-A'raf, 40, 52, 53
al-An'am, 6, 19, 46, 47, 48, 49
al-Baqarah, 3, 4, 5, 10, 12, 13, 15, 17, 18, 22, 23, 24, 25, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 55, 57
Al-Bukhari, 7, 8, 9, 47, 56
Al-Darimi, 36, 53, 56
al-Dhariyat, 23, 49
al-Furqan, 20, 49
al-Ghashiyah, 26, 50
Ali 'Imran, 16, 37, 42, 48, 53
al-Ikhlash, 7, 46
al-Isra', 20, 40, 48, 49, 53
al-Kafirun, 34, 51
 Allah SWT, 1, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 50, 51, 52, 53, 55
al-Ma'idah, 38, 39, 53, 54
al-Muddatstsir, 21, 49
al-Nahl, 15, 48
Al-Nasa', 8, 9, 37, 46, 47, 53, 56
al-Nisa', 21, 37
al-Qamar, 16, 48
al-Qasas, 41, 53
 al-Quran, 60
al-Ra'd, 11, 26, 48, 50
al-Shams, 36
Hud, 42, 54
Ibn 'Arabi, 28, 29, 56
Ibn Abi Hatim, 10, 25, 50, 57
Ibn Jarir, 11, 13, 14, 18, 26, 27, 28, 29, 35, 57
 Islam, ii, vi, 1, 3, 26, 31, 32, 33, 37, 43, 47, 50, 51, 52, 54, 55, 57, 60
 kiblat, 1
Malik, 10, 13, 34, 57
Maryam, 7, 46, 47
Muslim, 9, 10, 28, 32, 33, 34, 42, 43, 46, 47, 50, 51, 54, 57, 60

Musyrik, 1, 24, 48, 49

Nasrani, 1, 2, 5, 18, 31, 32,
33, 34, 35, 37, 43, 46, 50,
51, 52, 53, 54, 57

Qaf, 27, 50

Yahudi, 1, 2, 5, 18, 21, 31, 32,
33, 34, 35, 37, 43, 46, 49,
50, 51, 52, 53, 54, 57

Yasin, 15, 48

Yunus, 24, 50

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran

Siri 21

Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar

Surah al-Baqarah (2: 116-121)

Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar, Surah al-Baqarah (2: 116-121), Siri 21 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Ciri ketuhanan terpenting yang dibicarakan ialah sifat Allah SWT yang tidak beranak dan tidak diperanakkan. Sedangkan ciri kenabian terpenting ialah penurunan al-Quran yang merupakan mukjizat terpenting bagi membuktikan kenabian Nabi Muhammad SAW mengalahkan segala bentuk mukjizat yang dipinta untuk ditunjukkan kepada kaum Musyrik serta Yahudi. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 116-121) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran terpenting daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu Allah SWT terkaya daripada memiliki anak dan isteri, hanya kepada Allah SWT Tuhan yang disembah dan dipatuhi; Allah SWT tidak melayan sebahagian permintaan golongan kafir tentang pertunjukan mukjizat; tugas dan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW; dan sifat nabi yang disebutkan dalam taurat serta tuntutan untuk mengikuti ajaran kitab dengan cara yang sebaik-baiknya.



ISBN 978-967-2171-89-8



9 789672 171898